

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

ACW 221 - Perakaunan Pengurusan II

Masa: 3 jam

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (20 markah)

Syarikat Elektronik Sdn. Bhd (SEB) merupakan pengeluar mikrocip untuk pesawat yang beroperasi di Petaling Jawa. Bahan langsung dimasukkan pada permulaan proses pengeluaran. Kos pertukaran ditambah secara sama rata semasa proses berkenaan. Seseengah produk mengalami kerosakan disebabkan kecacatan tidak boleh dikesan sebelum pemeriksaan barang yang telah siap. Kebiasaannya unit yang rosak adalah 15% dari unit barangan yang dipindahkan keluar untuk dijual. Unit yang rosak dibuang tanpa sebarang kos ditanggung. SEB menggunakan pengkosan proses dengan kaedah purata wajaran.

Data untuk bulan Ogos 2001 adalah seperti berikut:

	Unit Fizikal (mikrocip)	Bahan Langsung	Kos Pertukaran
Kerja dalam proses pada 1 Ogos *	400	RM64,000	RM10,200
Kerja dimulakan dalam bulan Ogos	1,700		
Unit disiapkan dan dipindahkan sepanjang bulan Ogos	1,400		
Kerja dalam proses, 31 Ogos**	300		
Kos ditambah sepanjang Ogos 2001		RM378,000	RM153,000

* Darjah siap: bahan langsung, 100%; kos pertukaran, 30%

** Darjah siap: bahan langsung 100%; kos pertukaran 40%

Dikehendaki:

- a) Untuk setiap kategori kos, kirakan unit setara. [4 markah]
- b) Untuk setiap kategori kos, kirakan kos setara seunit. [5 markah]
- c) Kirakan jumlah kos untuk mengambilkira dan memperuntuk kos dalam (b) ke unit disiapkan dan dipindahkan (termasuk kerosakan biasa), kerosakan luarbiasa, dan unit kerja dalam proses akhir. [8 markah]
- d) Bincangkan maksud kenyataan ini “kerosakan biasa adalah kerosakan yang dirancang”. [3 markah]

Soalan 2 (20 markah)

Tenaga Elektrik Konsumer Sdn. Bhd (TELKON) menyediakan perkhidmatan sumber elektrik untuk kilang di sekitar Shah Alam. TELKON memperolehi belanjawan untuk tahun 2002. Belanjawan ini dinyatakan berasaskan bulanan. Maklumat adalah seperti berikut:

Kilang	Keperluan Pada Tahap Pengeluaran Kapasiti Praktikal* (Jam - Kilowatt)	Purata Anggaran Kegunaan Bulanan (Jam-Kilowatt)
Angsana Sdn Bhd	10,000	8,000
Kelumbit Sari Bhd.	20,000	9,000
Halimunan Sdn. Bhd	12,000	7,000
Suruhjahan Bhd	8,000	6,000
Jumlah	50,000	30,000

*Faktor ini merupakan yang paling berpengaruh dalam perancangan dari segi saiz penjana elektrik.

Kos untuk mengendalikan janakuasa dijangkakan sebulan ialah RM15,000: RM6,000 kos berubah dan RM9,000 kos tetap.

Dikehendaki:

- a) Andaikan satu kumpulan kos digunakan untuk kos penjanaan kuasa. Berapakah amaun akan diperuntukan ke setiap jabatan? Gunakan (i) kapasiti praktikal, dan (ii) purata anggaran kegunaan bulanan sebagai asas peruntukan.

[4 markah]

- b) Andaikan kaedah dua kadar digunakan dengan mengasingkan kumpulan kos untuk berubah dan tetap. Kos berubah diperuntukan berasaskan purata anggaran kegunaan bulanan. Kos tetap diperuntukan berasaskan kapasiti praktikal. Kirakan amaun yang akan diperuntukan ke setiap jabatan.

[8 markah]

- c) Berdasarkan pengiraan (a) dan (b) yang mana satukah kaedah yang anda pilih untuk memperuntukan kos? Beri alasan anda.

[4 markah]

- d) Apakah kriteria yang digunakan untuk memandu keputusan peruntukan kos? Kriteria yang manakah paling dominan?

[4 markah]

Soalan 3 (20 markah)

Dugu Telekomunikasi (DUGU) merupakan syarikat yang memasang telefon bimbit berteknologi tinggi yang dipasarkan di rantau Asia Tenggara. Setiap telefon bimbit mengambil masa 6 jam untuk dipasang. DUGU menggunakan sistem pengeluaran Just-in-time (JIT) dan sistem pengkosan *backflush* dengan tiga titik pemacu (trigger point) iaitu:

- ◆ Belian bahan (mentah) langsung
- ◆ Menyiapkan produk
- ◆ Jualan barangan siap

Tidak terdapat sebarang inventori awal untuk bahan langsung dan barangan siap. Maklumat berikut adalah untuk bulan Julai 2001:

Bahan Langsung dibeli	RM2,754,000
Bahan langsung digunakan	RM2,733,000
Kos pertukaran ditanggung	RM723,000
Kos pertukaran diperuntukkan	RM750,400

DUGU merekodkan belian bahan langsung dan kos pertukaran ditanggung pada kos sebenar. Bila barang siap dijual, sistem pengkosan *backflush* dikira melalui kos bahan langsung standard (RM102 seunit) dan kos pertukaran standard (RM28 seunit). DUGU mengeluarkan 26,800 unit pada bulan Julai 2001 dan menjual 26,400 unit. Kos bahan langsung seunit sebenar dalam bulan Julai ialah RM102 manakala kos pertukaran sebenar seunit ialah RM27.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan catatan jurnal untuk bulan Julai 2001 (tanpa membuang kos pertukaran terlebih atau terkurang diperuntukkan) [6 markah]
- (b) Poskan catatan dalam (a) ke akaun T yang sesuai seperti Inventori: Kawalan bahan dan dalam proses, Kawalan Barangan siap, Kawalan Kos Pertukaran, Kos Pertukaran Diperuntukkan, dan Kos Barang Dijual. [6 markah]
- (c) Apakah perbezaan sistem pengeluaran JIT yang ideal dengan JIT yang separa ideal berhubung dengan sistem pengkosan *backflush*? [3 markah]
- (d) Jelaskan tiga versi pengkosan *backflush* yang boleh digunakan oleh DUGU.

[5 markah]

...5/-

Soalan 4 (20 markah)

Palma Oil Industry (PALM) merupakan sebuah syarikat yang terletak di Ulu Perak yang membekal dan memproses minyak kelapa sawit yang diperolehi daripada ladangnya di kawasan sekitar Kuala Kangsar dan Taiping. Pemerosesan kelapa sawit di kilangnya itu menghasilkan minyak sawit mentah yang diproses terlebih dahulu dari kilangnya yang berhampiran. Pemerosesan minyak sawit mentah kemudian menghasilkan tiga jenis produk berasingan iaitu minyak tepu untuk susu, minyak kelapa sawit, dan sabun.

Ketiga-tiga produk berkenaan diasingkan secara serentak pada satu titik *splitoff*. Minyak kelapa sawit dan sabun boleh dijual serta merta selepas berpecah *splitoff* tanpa pemrosesan dan tambahan kos selanjutnya. Minyak tepu untuk susu, walau bagaimanapun diproseskan selanjutnya sebelum ianya dijual. Tidak terdapat harga pasaran untuk minyak tepu pada titik berpecah (*splitoff*)

Harga jualan berikutnya tidak berubah sejak empat tahun dan tiada tanda-tanda perubahan untuk tahun-tahun akan datang. Sepanjang tahun 2001, harga jualan produk berkenaan dan jumlah amaun yang dijual adalah seperti berikut:-

Sabun - 12,000 kg. dijual pada harga RM1,600 setiap 100 kg
Minyak kelapa sawit – 34,000 liter dijual pada harga RM1,000 setiap 100 liter
Minyak tepu untuk susu – 47,500 kg. dijual pada harga RM700 setiap 100 kg.

Jumlah kos pembuatan bercantum untuk tahun berkenaan ialah RM450,000. Tambahan RM150,000 dibelanjakan bagi menyudahkan proses pembuatan minyak tepu. Tidak terdapat sebarang inventori awal untuk ketiga-tiga produk berkenaan. Pada akhir tahun, inventori barang siap adalah seperti berikut:

Sabun	5,000 kilogram
Minyak kelapa sawit	6,000 liter
Minyak tepu	5,000 kilogram

Tidak terdapat kerja dalam proses awal dan akhir direkodkan dalam proses ini.

Dikehendaki:

- (a) Kirakan kos bercantum untuk ketiga-tiga produk dengan menggunakan
- (i) kaedah nilai jualan pada titik *splitoff* [4 markah]
 - (ii) ukuran fizikal [4 markah]
- (b) Berapakah kos inventori untuk sabun, minyak kelapa sawit dan minyak tepu untuk tujuan kunci kira-kira, dan berapakah kos barang dijual untuk penyata pendapatan pada 31 Disember 2001, dengan menggunakan:-
- (i) kaedah peruntukan kos bercantum anggaran *net realizable value* (NRV) [4 markah]

(ii) kaedah peruntukkan kos bercantum peratus margin kasar konstan NRV.

[4 markah]

(c) Bandingkan peratus margin kasar untuk ketiga-tiga produk dengan menggunakan kedua-dua kaedah dalam (b).

[4 markah]

Soalan 5 (20 markah)

Pandantronik Sdn. Bhd. (PSB) beroperasi di kawasan perdagangan bebas di Zon Perdagangan Bebas di Bayan Lepas. Syarikat ini mempunyai dua jabatan iaitu Jabatan Semikonduktor dan Jabatan Kawalan Proses. Setiap jabatan ini beroperasi sebagai pusat untung yang berasingan. Jabatan Semikonduktor membuat dua komponen elektronik yang berbeza MegaChip iaitu cip berprestasi tinggi dan produk lama yang dipanggil EkayChip. Kedua-dua produk ini mempunyai ciri-ciri kos seperti berikut:

	MegaChip	EkayChip
Bahan langsung	RM2.00	RM1.00
Buruh langsung 2 jam X RM14; 0.5 jam X RM14	RM28	RM7

Overhed tahunan dalam Jabatan Semikonduktor berjumlah RM400,000 dan semuanya tetap. Berdasarkan kepada keperluan pekerja yang berkemahiran tinggi, kapasiti Jabatan Semikonduktor ditetapkan pada 50,000 jam setahun.

Satu syarikat memesan 15,000 MegaChip setahun pada harga RM60 setiap cip. Jika PSB tidak dapat memenuhi keseluruhan permintaan, syarikat berkenaan mungkin mengeluarkan sendiri pengeluarannya. Sebahagian kapasiti Jabatan Semikonduktor adalah untuk mengeluarkan EkayChip yang dijual pada harga RM12 setiap cip.

Manakala Jabatan Kawalan Proses mengeluarkan hanya satu produk iaitu, unit kawalan proses yang mempunyai struktur kos seperti berikut:

Bahan langsung (“circuit board”)	RM60
Buruh langsung (5 jam X RM10)	50

Kos overhed tetap bagi Jabatan Kawalan Proses berjumlah RM80,000 setahun. Harga pasaran untuk unit kawalan proses adalah RM132 seunit.

Satu projek penyelidikan bersama telah mendapati MegaChip boleh ditukarkan dengan “circuit board” yang digunakan untuk membuat unit kawalan proses. Untuk menggunakan MegaChip ia memerlukan tambahan satu jam buruh untuk setiap unit kawalan proses.

Dikehendaki:

- (a) Kirakan margin sumbangan sejam jualan MegaChip dan EkayChip.
[2 markah]
- (b) Jika tiada pindahan dibuat ke Jabatan Kawalan Proses, berapa banyak MegaChip dan EkayChip harus Jabatan Semikonduktor menjualnya? Tunjukkan pengiraan anda.
[2 markah]
- (c) Jabatan Kawalan Proses menjangkakan dapat menjual 5,000 unit kawalan, tahun ini. Manakala PSB berpendapat, haruskah 5,000 unit MegaChip dipindahkan ke Jabatan Kawalan Proses untuk menggantikan circuit board? Tunjukkan pengiraan anda.
[4 markah]
- (d) Jika permintaan untuk unit kawalan pasti sebanyak 5,000 unit, tetapi harganya tidak pasti. Apakah harga pindahan MegaChip dikenakan untuk memastikan tindakan pengurus jabatan memaksimumkan pendapatan kendalian PSB keseluruhannya?
[4 markah]
- (e) Jika permintaan unit kawalan adalah pasti sebanyak 12,000 unit tetapi harganya tidak pasti. Apakah harga pindahan MegaChip dikenakan untuk memastikan tindakan pengurus-pengurus jabatan memaksimumkan pendapatan kendalian PSB keseluruhannya?
[4 markah]
- (f) Harga pindahan dapat membentuk kesamaan matlamat (“goal congruence”) di kalangan pengurus daripada beberapa jabatan dalam sesebuah firma. Jelaskan kenyataan ini.
[4 markah]